

4

KAJIAN PENGAJARAN: KEBERKESANAN PENGUNAAN TEKNIK ANOTASI UNTUK MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN BERBENTUK INFERENS DENGAN SOKONGAN BUKTI

Mohd Hazman Othman
mohd_hazman_othman@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Pei Tong

ABSTRAK

Guru-guru kurang yakin dengan keberkesanan kajian pengajaran. Ada keperluan untuk mengubah pemikiran guru bahawa kajian pengajaran yang berkesan dapat dijalankan walaupun jumlah guru yang terlibat kecil. Melalui kolaborasi antara guru pakar, guru kanan dan guru-guru kelompok, kajian pengajaran telah dapat dijalankan dengan berkesan. Proses kajian pengajaran bermula dengan sesi perbincangan semasa sesi Pembelajaran Komuniti Profesional atau *Professional Learning Community*. Melalui sesi ini, guru dapat mengesan komponen dalam pembelajaran bahasa yang ingin dipertingkatkan. Praujian dijalankan untuk mendapatkan kepastian. Kajian lepas telah dilakukan untuk mengenal pasti strategi yang akan digunakan. Guru pakar dan guru kanan telah dijemput untuk memberikan maklum balas ke atas rancangan pengajaran yang dibina. Sebuah eksperimen separa telah digunakan dalam kajian tersebut. Pascaujian telah dijalankan pada akhir kajian. Perubahan pada rancangan pengajaran selanjutnya dilakukan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi. Kajian pengajaran kedua telah dijalankan menggunakan rancangan pengajaran yang telah diperbaiki. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dari segi pencapaian murid. Di akhir kajian, min yang dicapai oleh murid ialah 3.375.

Kata kunci

Kajian Pengajaran, Kefahaman Membaca, Kerjasama



PENGENALAN

Menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens dengan memberikan bukti merupakan satu komponen yang mencabar bagi murid. Murid kurang keyakinan untuk menjawab soalan-soalan berbentuk inferens. Oleh itu jawapan dan markah murid untuk soalan inferens bagi peperiksaan SA1 dan SA2 telah diteliti semula. Ramai murid yang tidak menjawab soalan yang diaju dan tidak dapat memberikan bukti-bukti yang diperlukan bagi menyokong jawapan mereka.

Guru tidak menggunakan satu teknik yang sama untuk mengajar murid menjawab soalan-soalan inferens. Ini bermaksud, setiap guru mempunyai cara mengajar mereka tersendiri. Apabila murid tersebut diajar oleh guru yang lain pada tahun berikutnya, tiada keselarasan dan penyambungan dari segi teknik yang digunakan.

Melalui kajian ini, diharapkan guru dapat memikirkan satu kaedah atau teknik untuk mengajar murid menjawab soalan berbentuk inferens dari Darjah 3 hingga ke Darjah 6.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk:

1. menghasilkan satu teknik pengajaran yang dapat digunakan oleh setiap guru untuk mengajar murid Darjah 3 hingga ke Darjah 6; dan
2. meneliti keberkesanan teknik anotasi yang telah dihasilkan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan markah peperiksaan semester, murid tidak mendapat markah yang baik bagi soalan kefahaman yang berbentuk inferens. Murid kurang keyakinan menjawab soalan-soalan berbentuk inferens.



KAJIAN LEPAS

Kajian pengajaran asalnya bermula di negara Jepun. Keberkesanan kajian pengajaran sebagai wadah dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bagi guru dan murid telah dibuktikan oleh ramai pengkaji. Kini kajian pengajaran digunakan oleh banyak sekolah termasuklah sekolah-sekolah di Singapura untuk menghasilkan rancangan pengajaran yang berkesan dalam mempertingkatkan kemahiran murid. Semasa kajian pengajaran dilaksanakan, banyak manfaat yang diraih, bukan sahaja oleh murid malah oleh anggota yang terlibat dalam pelaksanaan kajian pengajaran tersebut.

Menurut Stigler dan Heibert (1999), kajian pengajaran melibatkan kumpulan guru yang kerap kali berjumpa dan bermesyuarat dalam jangka masa tertentu dan ada kalanya melibatkan beberapa bulan dalam setahun untuk membina dan membentuk rancangan pengajaran, melaksanakan, menguji dan memperbaiki rancangan pengajaran beberapa kali.

Lewis dan Tsuchida (1998) pula menjelaskan bahawa rancangan pengajaran yang telah dikaji dalam kajian pengajaran merupakan rancangan pengajaran sebenar yang dilaksanakan di bilik darjah yang memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

1. masalah yang berkaitan dengan aspek pedagogi yang dihadapi oleh guru;
2. pengajaran yang dirancang dengan teliti yang dibantu oleh sekumpulan guru;
3. dipantau oleh guru-guru lain;
4. dicatat dan dirakam bagi tujuan analisis dan refleksi; dan
5. dibincangkan oleh kumpulan guru, rakan-rakan sekerjaya, pihak pengurusan dan pemerhati luar atau orang yang berpengetahuan.



Fang dan Kum-Eng (2010), telah menjalankan kajian mengenai kajian pengajaran selama 2 tahun di Singapura. Menurut mereka, kajian pengajaran boleh menghasilkan pengajaran yang lebih baik secara berterusan. Selain itu, semangat kekitaan dan kerjasama sangat kuat dalam kalangan guru yang terlibat. Kajian pengajaran juga menjadi tempat untuk membimbing guru-guru baharu. Dapatan yang sama turut diketengahkan oleh Suryani Atan, Nadira Mohamed Sedik, Taty Fairuwani Hamwal dan Ili Sakinah Sarwan (2010).

Kajian pengajaran merupakan satu kaedah pengajaran yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada guru untuk mempertingkatkan mutu pengajarannya bahkan juga merupakan satu kaedah yang dapat menganalisis keupayaan murid dalam pemahaman secara berperingkat tetapi menampakkan keberkesanan. Menurut Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd dan Mary Pat O'Connell (2006), menerusi lingkaran kajian pengajaran guru dapat memberikan fokus yang lebih kepada beberapa faktor utama berdasarkan profil, pencapaian dan maklum balas yang ditunjukkan sehingga membolehkan guru memantapkan kaedah kajian dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian pengajaran menawarkan proses pembelajaran dan pengajaran yang berstruktur dan bermatlamat. Di samping itu, kajian pengajaran menegaskan akan pentingnya bagi guru untuk membuat renungan terhadap proses pembelajaran dan pengajaran. Unsur sikap *collegial* perlu wujud dalam kalangan guru kerana kajian pengajaran menuntut para guru untuk bekerjasama dan saling memberi dorongan serta pandangan yang bersifat konstruktif. Didorong oleh manfaat yang boleh diraih oleh guru dan murid, kajian pengajaran ini mula dilaksanakan bagi mempertingkat kemahiran murid menjawab soalan inferens dalam komponen kefahaman membaca.

Brown (2007) menjelaskan bahawa keupayaan membaca merupakan satu perkara yang penting namun memahami apa yang dibaca merupakan satu perkara lebih penting dalam aktiviti membaca. Beliau menekankan keberkesanan teknik anotasi dalam membantu murid membaca. Brown banyak menggunakan teknik bertanya dalam membimbing murid mengaitkan apa yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada murid.



Menurut Carol Porter-O'Donnel (2004), teknik anotasi membantu murid memahami teks bacaan dan pemahaman. Teknik anotasi juga membantu murid menjadi pembaca yang aktif. Hal ini berlaku kerana murid dilatih untuk membuat catatan yang bermakna semasa menjalankan aktiviti membaca.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajian pengajaran. Kumpulan guru telah dibentuk bagi tujuan ini. Guru pakar serta guru-guru bahasa Melayu dalam kelompok yang sama telah turut dijemput dalam kajian yang dijalankan.

Subjek Kajian

Subjek kajian yang terlibat merupakan 16 murid bahasa Melayu Darjah 5 yang mempunyai penguasaan bahasa Melayu di tahap yang lemah dan sederhana. Markah purata bahasa Melayu yang diperolehi murid adalah dalam lingkungan 40 – 60 markah.

Instrumen Kajian

Kumpulan kajian asas terdiri daripada kumpulan guru bahasa Melayu dari sekolah yang sama telah menggunakan waktu kumpulan pembelajaran profesional untuk berbincang mengenai masalah yang dihadapi oleh murid. Ketika perbincangan tersebut dijalankan, beberapa aspek telah dikemukakan termasuklah penulisan karangan, imbuhan, golongan kata dan komponen menjawab soalan kefahaman.

Merujuk kepada data-data yang telah dikumpulkan, guru sebulat suara bersetuju untuk memberikan perhatian kepada komponen kefahaman. Pada perbincangan selanjutnya guru telah mengenal pasti komponen khusus yang perlu diberi perhatian, iaitu menjawab soalan kefahaman berbentuk inferens yang memerlukan bukti.

Langkah seterusnya ialah dengan merujuk kajian-kajian yang telah dijalankan oleh kumpulan-kumpulan kajian yang pernah



menjalankan kajian yang serupa. Guru telah berbincang dan membuat perbandingan kaedah dan strategi yang telah digunakan. Guru meneliti dan melihat kesesuaian strategi atau kaedah bagi murid-murid yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan kepada teori-teori pengajaran dan pembelajaran adalah langkah seterusnya. Melalui rujukan ini, guru bersetuju menggunakan teori *Tyler's Curriculum Model* dan pendekatan *Understanding by Design (UbD)*.

Prosedur Kajian

Dalam kajian pengajaran ini, maklumat diperolehi melalui maklum balas yang diberi oleh setiap ahli kumpulan. Setiap ahli kumpulan telah diberi tugas yang khusus. Berikut adalah tugas-tugas khusus yang telah diberikan kepada guru bagi melaksanakan kajian pengajaran bersama.

Guru yang mengajar telah menggunakan rancangan pengajaran yang telah dibincang dan disediakan oleh kumpulan pengkaji.

Jurutulis (*scribe*) pula bertugas untuk mengambil dan merekod nota perbincangan; menyediakan bahan dan nota untuk perbincangan; menyedia dan menghantar e-mel kepada semua ahli kumpulan; dan mengambil dan merekod maklum balas ahli kumpulan.

Guru penasihat merupakan dua guru pakar dari Pusat Bahasa Melayu Singapura bertugas untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar semasa menjalankan kajian pengajaran.

Guru pemantau terdiri daripada 5 guru, 1 guru kanan dan 2 guru pakar yang bertugas untuk meneliti dan mencatat maklumat yang diperlukan untuk kumpulan khusus; dan berkongsi maklumat dan pandangan semasa sesi perbincangan pascakajian.

Juru kamera yang terdiri daripada 3 orang guru bertugas untuk memetik gambar kumpulan khusus; dan merakam video kajian pengajaran.



Kajian pengajaran ini bermula dengan perbincangan dan melakarkan rancangan pengajaran oleh ahli kumpulan. Rancangan pengajaran ini dibincangkan dengan guru pakar dan guru kanan. Perubahan pada rancangan pengajaran dilakukan berdasarkan maklum balas yang diberi.

Rancangan pengajaran yang telah diperbaik, dikongsi bersama semua ahli kumpulan sebelum kajian pengajaran dijalankan. Taklimat kepada juru kamera juga dilakukan.

Setiap guru pemantau telah diberikan kumpulan khas untuk dipantau. Nama dan tempat duduk murid telah diberikan kepada setiap guru. Sedikit latar belakang murid disediakan bagi rujukan guru yang memantau. Borang pemantauan dan borang senarai semak telah disediakan dan diberikan kepada guru pemantau. Borang ini mengandungi soalan-soalan yang diperlukan untuk mengumpul maklumat yang diperlukan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dan perkongsian ketika pascakajian telah berjaya menghasilkan banyak maklumat yang mustahak dan penting bagi mengukuhkan lagi teknik yang ingin digunakan.

Kumpulan ahli kajian telah berkongsi kekuatan dan kelemahan rancangan pengajaran yang telah dirancang. Maklumat ini adalah dari kesimpulan yang diperolehi setelah guru pemantau memerhatikan wajah, gerak tubuh dan respons subjek yang menjalani kajian tersebut. Cadangan dan saranan telah diberi dan dikongsi sama.

Melalui respons dan jawapan yang diberi oleh murid pada latihan-latihan yang diberi, menunjukkan murid telah memahami apa yang telah disampaikan oleh guru. 90% murid dapat memberikan jawapan serta bukti kepada soalan yang telah diajukan. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dari segi pencapaian murid. Min 3.375 dicapai di akhir kajian. Murid berasa yakin dan terbimbing dalam menjawab soalan yang berbentuk inferens. Persepsi guru terhadap keberkesanan kajian pengajaran juga berubah. Guru kini



lebih yakin akan keberkesanan kajian pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam perbincangan pascakajian tersebut, maklumat lain juga telah dapat dikongsi bersama. Walaupun maklumat-maklumat ini luar dari soalan yang diaju, namun maklumat ini masih berguna bagi mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran. Maklumat-maklumat ini memberi peluang kepada guru untuk mengetahui murid yang terlibat dalam kajian. Contohnya guru mendapat informasi mengenai profil murid dalam sesuatu kumpulan; kelakonan murid ketika perbincangan dijalankan; keyakinan murid dalam kerja kumpulan; dan kumpulan murid yang mendominasi perbincangan.

KESIMPULAN

Berdasarkan respons dan jawapan yang diberikan oleh murid kepada soalan-soalan yang diaju, murid telah berjaya menguasai teknik yang dipelajari. Murid dapat memberikan bukti-bukti untuk menyokong jawapan mereka. Keberkesanan teknik ini juga dapat dilihat pada markah Peperiksaan SA2 yang diduduki oleh murid.

Melalui kajian pengajaran tersebut beberapa saranan telah disarankan agar pengajaran dan pembelajaran lebih efektif. Antara saranan yang diberikan ialah untuk membuat perubahan pada set induksi agar pengajaran lebih mantap dan berkesan. Guru pemerhati juga menyarankan penggunaan peta minda bagi membantu pembelajaran murid.

Kesimpulannya, kajian pengajaran yang dijalankan mencapai matlamat yang disasarkan. Lanjutan daripada kajian pengajaran tersebut, perubahan telah dilakukan kepada rancangan pengajaran berdasarkan maklumat yang diberi oleh ahli kajian. Bahan-bahan latihan juga dihasilkan untuk murid Darjah 3 hingga ke Darjah 6. Guru-guru bahasa Melayu menggunakan pendekatan yang sama ketika membimbing murid menjawab soalan-soalan kefahaman berbentuk inferens.



Nota:

Kumpulan guru berikut terlibat dalam kajian pengajaran yang dijalankan.

1. Nor Zakiah Arif
2. Nurhani Idris
3. Rohani Mafot

RUJUKAN

Azizah Shaik Abdul Kadir, Rasidah Ahmad, Nurisham Ismail dan Taufek Siniwi (2012), Strategi CPA dalam Pengajaran Kefahaman dalam *Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai dalam Pendidikan Abad ke-21: Seminar Bahasa Melayu 2012*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura.

Brown, Matthew D. (2007) "I'll Have Mine Annotated, Please: Helping Students Make Connections with Text." Dalam *English Journal*.96-4. (March 2007): 73-78.

Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd, & Mary Pat O'Connell (2006), *Lesson Study Comes of Age in North America*, Phil Delta Kappan, Vol.88, No. 04, pp.273-281

Fang Yanping dan Kristine Kim-Eng Lee (2010), *Lesson Study and Instructional Improvement in Singapore*. Research Brief No. 10-001, 1-4

Lewis, C. & Tsuchida, I. (1998). A lesson is like a swiftly flowing river: Research lessons and the improvement of Japanese education. *American Educator*, Winter, 14-17 & 50-52.

Marsh, C.J. (2010). *Key Concepts for Understanding Curriculum*, Routledge

McTighe, J., *An Introduction to Understanding by Design*, September 13, 2010



Past PSLE Examination Questions 2006 -2010. Educational Publishing House Pte Ltd

Stigler, J., & Hiebert, J., (1999). *The teaching gap*. New York: The Free Press.

Suryani Atan, Nadira Mohamed Sedik, Taty Fairuwani Hamwal & Ili Sakinah Sarwan (2010), *Kajian Pengajaran: Penilaian Alternatif untuk Guru* dalam Seminar Bahasa Melayu 2010, Pembudayaan Penilaian Alternatif dan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Unit Bahasa Melayu, Cawangan Bahasa Ibunda, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum

Sumber Elektronik

[http://www.mtace.org/pirday_sept2010/Intro%20to%20UBD%20Hand out.pdf](http://www.mtace.org/pirday_sept2010/Intro%20to%20UBD%20Hand%20out.pdf)

http://xnet.rrc.mb.ca/glenh/understanding_by_design.htm, dtd 16 Oct 2011

Bloom's Taxonomy.

www.kurwongbss.eq.edu.au/thinking/Bloom/blooms.htm dated 20 September 2011

Carol Porter-O'Donnell (2004). Beyond the Yellow Highlighter: Teaching Annotation Skills to Improve Reading Comprehension dalam *English Journal*, Vol. 93, No. May 2004. Informasi ini juga boleh didapati di laman [http://vd-p.d91.k12.id.us/Curriculum_Resources/Sheltered%20Instruction%20\(SIOP\)/Fall%202011%20Class%20-%20Where%20Every%20Student%20Learns/Session%2001/Fall%202011/01_Beyond%20the%20Yellow%20Highlighter.pdf](http://vd-p.d91.k12.id.us/Curriculum_Resources/Sheltered%20Instruction%20(SIOP)/Fall%202011%20Class%20-%20Where%20Every%20Student%20Learns/Session%2001/Fall%202011/01_Beyond%20the%20Yellow%20Highlighter.pdf)

